RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300

**MODEL ART.**
***Architectural Modeller***

Di sediakan Untuk:
Encik Shamsudin Hussin
Pensyarah ETR 300

Di sediakan Oleh :
Mohd. Khairul Mohd. Baki
94466367
Saiful Rizal Che Mat
93236849
Rozanizam Mohd. Zakuan
94419760

25 OCTOBER 1996

ULANG TAHUN 40 1956 1996 INSTITUT TEKNOLOGI MARA

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA
## CAWANGAN MELAKA

Km. 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.
Tel : No. 06 - 5591000, 5591007, 5591009
Telefax : 06 - 5563963
06-5591067

Tarikh : 3hb September 1996
Surat Tuan :
Surat Kami : 100-CM(AKA 37/B)

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

| Bil | Nama Pelajar | No. ITM |
|---|---|---|
| 1. | Mohd Khairul Mohd Baki | 94466367 |
| 2. | Saiful Rizal Che' Mat | 93236849 |
| 3. | Rozanizam Mohd Zakuan | 94419760 |

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

**NASIR NORDIN**
**Ketua Kursus DBS**
**ITM Melaka**
**b/p Pengetua**

Kumpulan Projek Membuat Model Bangunan
Model Art-Architechtural Modeller
Kajian  Pengurusan dan Perniagaan
Institut Teknologi MARA
Melaka.

15 Oktober 1996

En. Shamsudin Hussin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA,
Melaka.

Tuan,

Rancangan Perniagaan Membuat Model Bangunan

Merujuk perkara di atas , kami Kumpulan Projek Membuat Model Bangunan telahpun menyiapkan Rancangan Perniagaan untuk memenuhi keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

2.Rancangan Perniagaan ini menyediakan maklumat -maklumat yang dikehendaki bagi menubuhkan sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan membuat model bangunan bagi pihak yang berkenaan.Kami berharap En.Samsudin berpuas hati dengan hasil usaha kami yang tidak seberapa ini.

Akhir kata kami sudahi dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

Mohd.Khairul Mohd .Baki
Ketua Kumpulan Projek

# MODEL ART

## Architectural Modeller

## 1.0 TUJUAN

Kami memilih perniagaan jenis ini kerana kurangnya kaum Bumiputera yang menceburi di dalam sektor perkhidmatan jenis ini di mana ia di polopori oleh bangsa asing. Oleh yang demikian kami ingin menjadi Bumiputera yang ingin turut serta menyumbang kepeda KDNK.

Perniagaan yang syarikat yang kami jalankan adalah jenis perniagaan perkhidmatan ,dimana kami menyediakan perkhidmatan untuk membuat model dan illustration bagi sesuatu projek architectural. Model yang di maksudkan adalah hanya untuk projek yang memperlihatkan kerja-kerja arkitek seperti model rumah bangunan ,kedai ( dalaman dan luaran ) , landscaping dan town planning.

Disamping itu , rancangan perniagaan ini menjadi satu kemestian bagi sesuatu syarikat dan menjadikannya sebagai bahan rujukan dalm usaha kami untuk menjadikan syarikat kami stabil dan berdaya maju.

Ia juga menjadi panduan ssemasa operasi syarikat , meyakinkan pihak bank untuk mendapatkan pinjaman modal dan pengagihan sumber yang lebih sistematik.